



## Amalan Aktiviti Pembelajaran Koperatif Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Seni Visual Di Sekolah Rendah

Nurul 'Ain Binti Saffar Ullah <sup>1</sup>, Md Nasir bin Ibrahim, Ph.<sup>2</sup> & Abd Manaf Bin Bejau<sup>3</sup>  
<sup>1,2</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, <sup>3</sup>IPG Kampus Temenggong Ibrahim

### Article Info

**Received:**

16 August 2019

**Accepted:**

06 September 2019

**Publish**

16 September 2019

**E-mail address:**

\*corresponding Author :  
\*nurulain9881@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstract

Proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan lima elemen Standard Asas Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) iaitu Komunikasi, Kolaborasi, Kemahiran Kritis, Kreativiti serta Nilai Murni dan Etika (4K1N) sangat penting diterapkan secara bersepadu dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) di sekolah. Kaedah pembelajaran koperatif (PK) informal menggunakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dapat meningkatkan kefahaman, kreativiti dan inovasi murid dengan menggunakan pendekatan berstruktur. Pembelajaran Koperatif dapat membina kemahiran personal dan interpersonal, kerja berpasukan, menerapkan nilai murni dan etika serta mewujudkan komunikasi yang efektif. Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru terhadap aktiviti pembelajaran koperatif, dengan memberi fokus terhadap pemahaman guru, pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif dan kaedah pelaksanaan selain aktiviti pembelajaran koperatif semasa proses PdPC. Kajian kes dipilih untuk mengumpul data secara empirikal. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen daripada enam guru dalam bidang seni. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan guru-guru secara keseluruhannya adalah baik. Guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pemilihan aktiviti yang bersesuaian tentang pembelajaran koperatif. Walau bagaimanapun, guru-guru masih berusaha mempelajari secara mendalam tentang aktiviti Pembelajaran Koperatif untuk mengoptimumkan pembelajaran murid dari segi kognitif, psikomotor dan afektif.

Keyword: *Aktiviti Pembelajaran Koperatif, Pendidikan Seni Visual, Guru Pendidikan Seni Visual, Pengetahuan, Pengajaran dan Pemudahcaraan, Kognatif, Psikomotor dan Afektif.*

## PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan, guru merupakan pengaruh utama semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) berlangsung selain daripada murid (Chik & Abdullah, 2018). Anjakan paradigma dan pengubahsuaian pada kurikulum pendidikan adalah untuk membina dan mengembangkan kuasa berfikir guru dan kemenjadian murid dari segi pengetahuan, kemahiran, dan perwatakan khususnya dalam Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Konsep dan cabaran pembelajaran berpusatkan murid merupakan satu anjakan paradigma dalam dunia pendidikan kerana berlakunya perpindahan daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran yang memberikan empowernan kepada murid. Pembelajaran yang pasif dan hanya memberikan fokus kepada penyampaian pengetahuan digantikan dengan pendekatan alternatif yang menegaskan peranan guru sebagai pemudahcara dalam proses pembelajaran (Cubukcu, 2013). Pembelajaran koperatif dan kolaboratif sering dirujuk sebagai Pembelajaran Abad Ke-21. Pembelajaran berasaskan aktiviti perlu mengambil kira kepelbagaian murid supaya potensi setiap murid dibangunkan secara optimum (Buku Standard Prestasi Sekolah PAK21, JPNJ, 2107).

Pembelajaran koperatif didefinisikan sebagai pendekatan bekerjasama untuk memperoleh matlamat kumpulan yang tidak dapat di capai dengan bekerja sendiri atau secara kompetitif (Johnson, Johnson dan Smith, 1991). Tujuan utama pembelajaran koperatif adalah untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Murid perlu menemui dan meneroka pengetahuan, dan mengubahnya kepada konsep yang perlu di kaitkan dengan pengalaman autentik. Pembelajaran Koperatif dapat membina kemahiran personal dan interpersonal murid, kerja berpasukan, menerapkan nilai murni dan etika serta mewujudkan komunikasi yang efektif. Ia juga berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid, murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid itu sendiri. Ia adalah kumpulan sementara atau *ad hoc* yang dibentuk untuk satu aktiviti perbincangan kumpulan kecil dalam kumpulan besar seperti Round Table, Think Pair Share, Three-Step Interview, Gallery Walk, Fan N Pick, Role Play, Simulation, dan banyak lagi aktiviti yang bersesuaian dengan Pendidikan Seni Visual (Saemah Rahman, 2010).

Pendidikan Seni Visual bukan lah seperti mata pelajaran yang lain. Dalam Dokumen Standard Pendidikan Seni Visual, adalah berpusatkan murid dan memberi peluang kepada mereka untuk mempertingkatkan daya imaginasi, kreativiti, dan bakat ke tahap optima dalam proses penghasilan karya. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat dan dapat mencetus idea seperti penerokaan amatlah digalakkan sama ada secara manual atau berbantuan teknologi. Kaedah pengajaran yang disarankan adalah seperti *Discipline Based Art Education* (DBAE), pembelajaran berorientasikan produk, berorientasikan studio, aktiviti berkumpulan, kolaborasi, koperatif, tunjuk cara, bicara seni, percambahan minda, soal jawab, penyelesaian masalah, kembara visual, imitasi, dan ekspresi diri. Pemilihan dan penentuan kaedah pengajaran yang pelbagai perlu selaras dengan kesediaan, kemampuan, kebolehan, penumpuan, pengalaman dan pemerhatian murid (Dokumen Standard Kandungan Pendidikan Seni Visual, KPM). Dengan mengaplikasikan aktiviti pembelajaran koperatif PAK21 di dalam PdPC PSV, ia dapat meningkatkan interaksi sosial dan membina kemahiran komunikasi di antara murid-murid. Mereka saling bergantung di antara satu sama lain untuk menyelesaikan satu masalah pembelajaran. Aktiviti kurikulum PSV juga merangkumi domain keperluan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor setiap individu. Murid dapat menghasilkan kerja seni melalui pemerhatian, pengamatan, perbandingan, penilaian dan membuat keputusan yang betul dalam segala hal (Md Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003:183).

Pendidikan Seni Visual bertujuan melahirkan individu yang bersifat kreatif, berimaginasi, inovatif, berketerampilan dan menguasai teknologi dalam penciptaan sesuatu cita rasa yang

bercirikan nilai-nilai keindahan dan estetika (Mohd Johari, 2004). Pendidikan Seni Visual tidak seperti subjek lain. Walaupun ini boleh dikatakan tentang mana-mana mata pelajaran yang diajar di sekolah hari ini, seni dan reka bentuk adalah sangat pelbagai. Penerapan pembelajaran koperatif dalam Pendidikan Seni Visual (PSV) dilihat telah menjadi satu sebatian yang tidak asing lagi. Hal ini kerana menurut Md Nasir & Nurulhuda (2013) dengan menguasai kemahiran seni, seseorang itu akan memperolehi keyakinan untuk bebas meluahkan pandangan melalui projek-projek seni di sekolah atau percubaan artistik individu. Secara umumnya, pembelajaran koperatif memerlukan kerjasama dengan kumpulan bagi mengatasi sesuatu masalah, memberi maklum balas dan berkomunikasi serta berinteraksi antara satu sama lain (Shukeri Hamzah, 2012). Pembelajaran koperatif memerlukan pelajar membuat analisis dan mengaplikasikan konsep yang dipelajari (Rohaty Mohd Majzub, 2017). Aktiviti pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif mampu melahirkan murid dengan kemahiran serba boleh yang diperlukan untuk mereka di pasaran kerja masa akan datang (Norhailmi, 2017).

## **PEMASALAHAN KAJIAN**

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) dalam Pendidikan Seni Visual, bukan hanya memerlukan seseorang guru seni berpengetahuan dan berilmu tinggi tetapi guru Pendidikan Seni Visual juga harus mempunyai pengetahuan yang luas iaitu pengetahuan isi kandungan untuk mengajar (Ibrahim Hassan, 2003). Guru akan menghubungkan pengetahuannya tentang pengajaran dengan pengetahuan isi kandungan pengajaran. Ini bermakna guru seni berkemahiran untuk memilih strategi, kaedah, aktiviti dan mentafsir pemikiran pelajar tentang isi kandungan yang akan disampaikan (Cochran, 1997).

Daripada kajian rintis yang telah dijalankan oleh beberapa orang guru Pendidikan Seni Visual di sekolah terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru seni tersebut. Ada sesetengah guru yang masih belum memahami makna Pembelajaran Abad Ke-21 dan pemilihan aktiviti yang sesuai dengan topik di dalam PdPC PSV PAK21. Ini kerana mata pelajaran PSV bukanlah seperti mata pelajaran yang lain. Mata pelajaran ini lebih kepada amali dan berpusatkan murid sepenuhnya. Ada guru PSV menganggap ia menyusahkan dan mengambil masa yang lama untuk mengaplikasikan aktiviti PdPC PAK 21. Ini kerana masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran PSV hanya selama 1 jam bagi murid-murid sekolah rendah. Ada sesetengah guru tidak menguasai pedagogi kemahiran PAK21 melalui aktiviti yang dijalankan. Ini kerana dalam bidang Pendidikan Seni Visual, terdapat guru yang bukan opsyen. Masalah guru Pendidikan Seni Visual bukan opsyen mengajar sesuatu subjek dalam sistem kurikulum di Malaysia, bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Terdapat juga segelintir guru dan murid yang kurang meminati aktiviti koperatif ini kerana terdapat ahli-ahli kumpulan yang kurang memberikan sumbangan idea dan maklumbalas diantara satu sama lain. Walubagaimana pun pemilihan aktiviti yang sesuai boleh menangani masalah ini. Guru yang kreatif boleh mengaplikasikan pelbagai aktiviti yang bersesuaian tetapi kesemuanya mempunyai matlamat yang sama, iaitu boleh meningkatkan motivasi, dan meningkatkan kemahiran sosial murid khususnya interpersonal dan pesonal murid itu sendiri.

Guru Pendidikan Seni memikul tanggungjawab yang berat untuk menjana pemikiran kreatif para pelajar seni yang harus dilaksanakan dengan lebih serius kerana guru mungkin terlalu menyatakan seni sebagai satu aktiviti yang menarik, sedangkan guru kurang menekankan dan memikirkan kaedah yang efektif untuk melaksanakannya bagi menyerlahkan satu ruang kekreatifan dalam pemikiran pelajar (Mohd Johari, 2006:2).

## TINJAUAN LITERATUR

Sebagai pendidik seni, guru perlulah menguasai bidang seni dan melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan yang diperlukan bagi menyempurnakan tugasnya termasuklah teori-teori perkembangan agar dapat memenuhi keperluan murid. Selain itu, guru perlu menyedari bahawa seni mempamerkan tabiat pemikiran yang praktikal dan dikaitkan dengan dunia perdagangan yang *natural* dan unik (Md Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003:187).

Guru yang menerapkan pembelajaran koperatif dalam pengajaran mereka mesti mempunyai pengetahuan yang meluas untuk mewujudkan PdPC yang menggalakkan interaksi sosial dan percambahan idea murid-murid. Ia juga berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid, murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid. Guru juga perlu mengetahui dengan mendalam aktiviti-aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (pembelajaran koperatif) yang ingin diajar, merancang strategi, teknik pengajaran dan memberi peluang murid-murid menguasainya, mengetahui bagaimana untuk mewujudkan situasi bekerjasama di dalam atau di luar kelas sama ada secara koperatif dan kolaboratif (Rosadah Majid, 2017).

Selain pengetahuan dalam pedagogi pembelajaran, guru juga memerlukan kemahiran supaya bijak membuat pemilihan aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21. Kemahiran Pembelajaran Abad-21 adalah kemahiran pembelajaran yang diperlukan oleh murid untuk berdaya saing pada alaf baru yang disampaikan oleh guru-guru. Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Abad-21 juga menuntut agar guru lebih komited dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah. Antara komitmen dan kompetensi yang perlu ada pada seseorang guru adalah:

- Menguasai Isi Kandungan: Berpengetahuan, berkemahiran, dan berpengalaman mengintegrasikan serta membina satu pengajaran yang mantap dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.
- Mengesan Perkembangan Murid: Berkemahiran merancang program bagi menyokong dan membantu perkembangan murid melalui strategi *sharply focused, deep dive*, analisis data, mempelbagaikan kaedah dan aktiviti untuk murid mencari ilmu di luar bilik darjah.
- Menguasai Kemahiran Psikologi Pembelajaran: Berkemahiran memahami bertingkah laku setiap murid bagi memahami ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan murid-murid seperti meramal tingkah laku, memberi motivasi serta menghubungkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kemahiran Pedagogi Abad 21 memerlukan guru menguasai pelbagai bidang, berpengetahuan terhadap dasar dan isu pendidikan semasa, mahir dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran), mahir dalam menggunakan teknologi terkini, serta berkeupayaan memupuk nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan intelek, jasmani, emosi dan sahsiah yang cemerlang dalam kalangan murid-murid. Hal ini bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang produktif, mampu berkolaboratif dan berkomunikasi, bersifat kreatif dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Kaedah pembelajaran secara kolaborasi dan koperatif sangat digalakkan dalam proses PdPC PAK21. Secara umumnya, pembelajaran kolaboratif dan koperatif memerlukan kerjasama dengan kumpulan bagi mengatasi sesuatu masalah, memberi maklum balas dan berkomunikasi serta berinteraksi antara satu sama lain secara berstruktur. (Shukeri Hamzah, 2012). Pemahaman guru yang menerapkan ilmu bersesuaian dengan afektif, psikomotor dan kognitif murid untuk penghayatan warisan seni visual dan mengamalkannya dalam kehidupan untuk meningkatkan nilai hidup bagi melahirkan generasi mengikut acuan yang digagaskan oleh negara (Md Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan, 2003: 186)

Kaedah pembelajaran koperatif banyak memberi peluang kepada pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid. Ini bermakna guru perlu mempunyai kemahiran bertindak sebagai fasilitator dalam bilik darjah (Umi Kalthom & Ahmad Esa, 2014).

Pendekatan koperatif adalah satu bentuk sistem pengajaran yang sistematik yang terdiri daripada pelbagai tahap IQ yang berlainan. Murid saling bekerjasama antara satu sama lain dan guru yang terlibat perlu diberi latihan khusus tentang kaedah koperatif ini (Pons, Sharon, Lomeli & Buchs (2013).

Pembelajaran koperatif selalunya terdiri daripada empat hingga lima orang murid sahaja. Guru perlu menggalakkan perasaan yang positif, mengembangkan potensi murid serta memberi kepercayaan kepada murid mengendalikan dan melatih rakan sekumpulan samaa-sama berjaya dalam pelajaran mereka (Yaakub, 2014) dan di sokong oleh Shahabudin Hashim et al (2007) dan Ahmad Rahim (2013).

### **Aktiviti Pembelajaran Koperatif Abad Ke-21**

Transformasi pendidikan adalah untuk memenuhi keperluan dari semasa ke semasa yang memberi cabaran dan menuntut guru-guru agar memenuhi kehendak sistem pendidikan negara. Guru-guru perlu memainkan peranan yang penting dengan meningkatkan kepelbagaian gaya pembelajaran dan kecerdasan melalui pelbagai aktiviti dan bahan bantu mengajar yang relevan mengikut peredaran masa (Rosmiza, Abd.Razak dan Norani, 2014) dan aplikasi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) melalui penggunaan komputer, audio dan Internet yang sesuai dapat melancarkan PdPC PAK21(Sharulnizam, Syed Alwi dan Sabzali, 2015).

Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh di aplikasikan oleh guru semasa proses pembelajaran sedang di jalankan. Namun, kesesuaian aktiviti koperatif perlu di ambil kira dan sesuai dengan pedagogi PSV mengikut Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran. Dengan mengaplikasikan pelbagai aktiviti dapat menarik fokus murid-murid supaya mempelajari bahan yang dibincangkan dalam kelas. Ia boleh digunakan bila-bila masa terutamanya dalam proses PdPC untuk mendapatkan penglibatan aktif murid secara intelektual dan membina hubungan sosial antara murid dengan murid. Antara aktiviti yang boleh di aplikasikan di dalam PdPC PSV ialah seperti Think-Pair-Share, Round Robin, Fun-N-Pick, Mix-N-Match, Quiz, One Stray-Three Stay, Gallery Walk, Role Play, Stesen-stesen dan banyak lagi aktiviti yang bersesuaian dengan slibus PSV.

### **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru terhadap aktiviti pembelajaran koperatif, dengan memberi fokus terhadap pemahaman guru, pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif dan kaedah pelaksanaan selain aktiviti pembelajaran koperatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di jalankan.

Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi objektif kajian seperti berikut:

- i) Meneroka pemahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap kepentingan pembelajaran koperatif.
- ii) Mengkaji tahap kemahiran guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif?
- iii) Mengkaji kaedah pelaksanaan guru selain aktiviti pembelajaran koperatif Pendidikan Seni Visual semasa pembelajaran dan pemudahcaraan.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini juga dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i) Adakah pemahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual penting terhadap pembelajaran koperatif?
- ii) Apakah tahap kemahiran guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif?
- iii) Apakah kaedah pelaksanaan guru selain aktiviti pembelajaran koperatif Pendidikan Seni Visual?

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya pihak guru, pelajar, dan sekolah. Melalui kajian ini, guru-guru dapat meningkatkan kefahaman dari segi pengetahuan, pemahaman, sikap profesionalisme dalam usaha memahami dan memperbaiki kelemahan diri dan dapat memajukan diri dalam profesion keguruan terutama dari sudut kemantapan pengetahuan pedagogi dan PdPC. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Jemaah Nazir dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh mendapat gambaran holistik tentang amalan pedagogi guru-guru di sekolah tentang aktiviti pembelajaran koperatif dan dapat merangka program, kursus atau bengkel berkaitan aktiviti pembelajaran Abad Ke-21 khususnya pembelajaran koperatif bagi memantapkan penguasaan pedagogi guru-guru mengoptimumkan pembelajaran murid-murid.

## METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan secara kajian kes dengan kajian pelbagai kes (*multicase studies*) (Merriam & Tisdell, 2016). Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah rintis Showcase Abad Ke-21 di daerah Johor Baharu dan pemilihan peserta kajian seramai enam orang guru major dan minor Pendidikan Seni Visual yang terdiri daripada dua orang guru lelaki dan empat orang guru perempuan. Peserta kajian terdiri daripada guru opsyen dan minor yang mengajar PSV. Walau bagaimanapun, mereka merupakan guru panitia guru penolong kanan (GPK) dan guru yang mengajar mata pelajaran PSV.

Kaedah temu bual semi struktur dijalankan untuk memperoleh data dari segi pemahaman, penerimaan dan kemahiran pemilihan aktiviti guru-guru PSV dalam pembelajaran koperatif. Temu bual yang dijalankan untuk mengumpul dapatan kajian sebagai kerangka data utama kajian. Selain itu, pemerhatian dijalankan semasa guru-guru terlibat dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas atau bilik Seni Visual sebagai menyokong data temu bual. Pemerhatian adalah secara individu menggunakan borang pemerhatian dan senarai semak untuk memudahkan penyelidik membuat penilaian dari segi aspek pemahaman dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai oleh guru-guru semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan. Pemerhatian dilakukan sepanjang sesi pengajaran iaitu selama satu jam iaitu 2 waktu pengajaran. Seterusnya, kaedah analisis dokumen dilakukan bagi menyokong data daripada pemerhatian. Dokumen yang dilihat adalah daripada Rekod Pengajaran Harian (RPH) semasa pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan.

Analisis data adalah berbentuk deskriptif. Data dianalisis secara manual dengan membaca transkripsi untuk mendapatkan konteks kajian yang lebih jelas. Proses pengekodan dan menganalisis tema adalah dengan bantuan perisian ATLAS.ti 8.0. dan NVIVO. Dapatan kajian

menjurus kepada objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Penyelidik melalui beberapa langkah untuk kebolehpercayaan data iaitu pengesahan inventori soalan temu bual oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, triangulasi data dan laporan nota lapangan. Triangulasi data adalah menerusi pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dengan disokong oleh nota lapangan penyelidik. Peserta kajian yang terpilih sangat berpengalaman dan beridea kreatif mengajar seni di sekolah rendah. Peserta kajian juga merupakan guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Profil peserta kajian adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil peserta kajian

Peserta kajian	Jawatan
GPSVIn.1(1.1)	Guru Penolong Kanan (GPK)-Major PSV
GPSVIn.2(1.2)	Guru Panitia PSV-Major PSV
GPSVIn.3(2.1)	Guru Panitia PSV-Major PSV
GPSVIn.4(2.2)	Guru PSV-Major PSV
GPSVIn.5	Guru Panitia PSV-Minor PSV
GPSVIn.6	Guru Panitia PSV-Minor PSV

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### **Pemahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap Pembelajaran Koperatif.**

Pemahaman guru terhadap pembelajaran koperatif adalah sangat penting bagi memastikan pengajaran dan pemudahcaraan berasaskan aktiviti koperatif dapat dilaksanakan sebaik mungkin dengan jayanya. Dapatan kajian menunjukkan kesemua guru dapat memahami dan berpengetahuan tentang konsep pembelajaran koperatif dengan baik. Perkara ini dibuktikan melalui ....

Hal ini dinyatakan oleh In.1/TB1/111018/(SK1.1)/40-41....”*Bagi kefahaman saya ialah aktiviti di jalankan secara kerja berkumpulan, di mana pembelajaran PAK21 ini murid lebih banyak bertanya, murid boleh mengeluarkan idea dan dapat membantu murid berkomunikasi semasa pembentangan. Ia juga dapat merangsang interaksi, berhubung antara ahli kumpulan. Pembelajaran menjadi lebih aktif dan menarik berbanding pembelajaran secara individu”...*

Manakala pandangan ini disokong oleh peserta keempat iaitu In.4/TB1/210319/(SK2.2)/59-69 yang menyatakan “*Pembelajaran PAK21 yang berpusatkan kepada murid sepenuhnya. Di mana guru hanya menjadi pemantau. Murid-murid dapat meneroka pengetahuan dan bakat mereka secara berkumpulan dan dapat meningkatkan kemahiran sosial murid-murid...*

In.5/TB1/221118/(SK5)/276-285...”*Daripada kefahaman saya ialah pembelajaran yang menggalakkan murid berkolaborasi dan lebih aktif dengan menggunakan kaedah pembelajaran seperti Gallery Walk, Idea Rush, Share-N-Turn. Selain itu juga ia menggalakkan murid lebih aktif dan mempunyai sikap ingin tahu dan yakin dengan apa yang dilakukan. Murid-murid lebih menjadi kreatif dengan gabungan idea-idea dari kumpulan masing-masing. Ia sangat penting semasa PdPC PAK21 ni...*

In.2/TB1/181018/(SK1.2)/160-170...”*Yang saya faham ialah pembelajaran PAK21 yang berpusatkan murid. Di mana cetusan idea ahli kumpulan dapat di hasilkan melalui*

*perbincangan”. Dapat berfikir dari kotak pemikiran mereka apa bila berkongsi idea. Sedikit sebanyak murid menjadi kreatif dan inovatif bila idea mereka di satukan...*

Hal ini sama dengan pendapat peserta ketiga iaitu...”*Pembelajaran berpusatkan murid-murid dan melibatkan persekitaran di dalam kelas PAK21. Mereka dapat menyelesaikan masalah bersama-sama ahli kumpulan dengan idea yang pelbagai dari pengalaman masing-masing...* (In.3/TB1/100319/(SK2.1)/165-166).

In.6/TB1/2150119/(SK6)/12-15 pula menjelaskan...”*Pembelajaran koperatif PdPC PAK21 merupakan pembelajaran yang menjurus kepada pembentukan korektor dan pemikiran aras tinggi. Pada pendapat saya ia penting khususnya untuk murid-murid tahap 2 berbanding tahap 1 kerana memerlukan lebih masa untuk mengawal kelas...*

Secara keseluruhannya, peserta kajian dapat memahami dengan baik maksud pembelajaran koperatif yang lebih menjurus kepada pembelajaran berpusatkan murid-murid, berfikiran luas yakni di luar kotak dan bentuknya penyelesaian masalah untuk menjana kreativiti para pelajar. Oleh itu, peserta-peserta kajian mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik terhadap pembelajaran koperatif PAK21

### **Kemahiran Guru Terhadap Pemilihan Aktiviti Pembelajaran Koperatif**

Kemahiran pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang bersesuaian semasa PdPC PSV PAK21 adalah penting bagi semua guru. Pemilihan aktiviti mestilah bersesuaian mengikut tahap murid dan standard kurikulum itu sendiri supaya PdPC yang jalankan lebih berkesan dan menarik. Dengan mengaplikasikan pelbagai aktiviti murid-murid dapat berfikir dan berkongsi idea bersama ahli kumpulan. Pada permulaannya, agak susah untuk mereka mengaplikasikan aktiviti pada murid-murid namun apabila telah biasa mereka laksanakan di dalam PdPC, mereka dapat menerima dengan baik. Hal ini dibuktikan melalui peserta kajian kedua yang menyatakan...

*“Selalunya saya memilih aktiviti yang menarik dan dapat melatih murid berinteraksi sesama mereka, bekerjasama antara ahli kumpulan dan berkongsi idea. Saya akan tengok pada modul apa yang saya nak ajar pada hari itu. Selalunya saya akan aplikasikan aktiviti seperti Round Table, Modelling, Role Play dan Simulation. Tengok mana aktiviti yang bersesuaian mengikut keperluan dan kelengkapan bahan untuk menghasilkan karya. Tapi, murid-murid memang suka dengan aktiviti-aktiviti ni. Selalunya saya akan kaitakan semasa persepsi estetika dan aplikasi seni lah”...*(In.1/TB1/181018/(SK1.1) /467-471).

Peserta kajian kelima dan keenam juga membuat pemilihan aktiviti yang sama semasa proses PdPC di jalankan. *“...Selalunya saya akan membuat pemilihan aktiviti yang melibatkan murid-murid bekerjasama lah.. Aktiviti yang takkan saya tinggalkan adalah Think-Pair-Share. Dengan aktiviti ni murid-murid diberi masa untuk berfikir dan berkongsi idea dengan kawan-kawan. Selalunya saya akan buat semasa persepsi estetika. Di situ lah untuk saya menarik minat murid-murid dan menjentik fikiran mereka supaya lebih berfikir. Selain itu juga saya aplikasikan aktiviti Round Table. Saya akan sediakan soalan dan di letakkan di dalam satu bekas. Bekas tu akan round semua table mengikut muzik yang saya main kan. So semua orang dapat merasa menjawab soalan yang diberi. Selain itu aktiviti yang wajib saya aplikasikan adalah Gallery Walk. Di mana murid-murid dapat membuat apresiasi karya di dalam kelas. Membuat presentation karya yang di hasilkan”...*(In.5/TB1/221118/(SK5) /827-834).



"...selalunya saya akan pilih aktiviti yang lain. Saya tak akan ulang aktiviti yang sama dalam minggu tu. Nanti murid-murid akan bosan dengan aktiviti yang sama. Selalunya aktiviti yang mesti ada setiap PdPC adalah Think-Pair-Share lah. Ini untuk murid-murid lebih berfikir sebelum dikongsi bersama kawan-kawan. Saya juga akan buat Galley Walk setiap kali akhir PdPC. Murid-murid akan mempamerkan karya mereka di hadapan kawan-kawan. Mereka akan menceritakan pengalaman mereka semasa menghasilkan karya."(In.6/TB1/150119/(SK6)/838-841).

Pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif tiada masalah bagi beliau untuk di aplikasikan di dalam PdPC PAK21 ... "Saya rasa saya tak ada masalah sangat dalam pemilihan aktiviti koperatif ni. Walaupun berpusatkan murid, kita kenalah fikirkan aktiviti yang sesuai dengan tahap pemikiran murid. Selalu saya akan buat aktiviti secara 'klinik'. Yang penting saya nak murid-murid menguasai pengetahuan, kemahiran seni itu sendiri. Saya akan buat kuiz untuk menarik minat mereka dan saya akan berikan ganjaran pada mereka. Saya suka buat aktiviti seperti Think-Pair-share. Di mana murid yang lemah dapat di bantu oleh murid yang pandai."(In.3/TB1/160617/(SK2.1) /522-524).

Peserta keempat juga melaksanakan pembelajaran koperatif setelah terlibat dengan kursus dan penerangan oleh pihak sekolah. "Saya dapat aplikasikan aktiviti ini pun setelah betul-betul faham kehendak pembelajaran abad ke 21 ni. Saya belajar semasa menghadiri kursus. Selalunya saya akan menggunakan teknologi internet lah untuk menarik minat murid-murid. Saya akan tayangkan video dari You Tube atau apa2 video yang berkaitan dengan subjek yang nak di ajar. Itu selalunya semasa proses Set induksi lah. Saya juga aplikasikan aktiviti Think-Pair-Share lah dengan murid-murid. Ni untuk membantu murid-murid berfikir dan berkongsi bersama. Eksperimen pun saya lakukan jika melibatkan tajuk yang agak sukar seperti pencampuran warna. Tapi yang pasti di akhir PdPC saya akan kaitkan dengan aktiviti Gallery Walk lah. Murid mempamerkan karya akhir mereka bersama-sama kumpulan masing-masing.."(In.4/TB1/180917/(SK2.2) /245-247).

Peserta pertama kajian pula menyatakan bahawa beliau jarang mengaplikasikan aktiviti pembelajaran koperatif ini. Ini disebabkan masa yang terhad untuk mengejar silibus. Walaubagaiman pun peserta mengaplikasikan aktiviti yang bersesuaian mengikut dokumen standard kandungan PdPC. "Saya jarang juga aplikasikan aktiviti koperatif ni. Saya selalu sibuk dengan tugas sampingan. Saya banyak masa takda di sekolah. Jadi saya terpaksa mengejar silibus. Tapi ada juga saya aplikasikan aktiviti koperatif ni. Selalunya saya akan aplikasikan aktiviti Gallery Walk lah. Di akhir PdPC. Selain itu saya ada juga buat aktiviti Think-Pair-Share. Murid-murid berkongsi pendapat bersama-sama"...(In.1/TB1/110118/(SK1.1) /144-147).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru PSV dapat membuat pemilihan aktiviti koperatif yang bersesuaian semasa melaksanakan PdPC PSV PAK21.

### **Kaedah Pelaksanaan Selain Aktiviti Pembelajaran Koperatif Di Dalam Kelas**

Kaedah PdPC sangat penting dan mempengaruhi dalam usaha guru menyampaikan pembelajaran koperatif secara berkesan. Dapatan kajian mendapati kebanyakan guru menggunakan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik yang hampir sama. Walaupun menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif, guru-guru mestilah tahu bagaimana teknik penyampaian yang berkesan di dalam PdPC PSV PAK21. Guru-guru mengaplikasikan pendekatan mudah kepada kompleks, pendekatan masteri, kaedah penerangan, demonstrasi, perbincangan dan penyelesaian masalah. Dari segi strategi ada yang berfokuskan guru, bahan dan pelajar

sementara teknik pengajaran pula lebih berfokus kepada teknik penyediaan, perbincangan, sumbang saran, tunjuk cara (demonstrasi) dan peniruan.

Dapatan kajian ini seperti yang dinyatakan oleh In.2/TB2/181018/(SK1.2)/334-342...*"Selalunya semasa set induksi saya akan bawa murid-murid ke makmal komputer untuk melihat video. Sebagai contoh saya akan tayangkan cara membuat anyaman dengan cara yang betul dan bahan yang betul. Walaupun murid-murid tidak dapat menghasilkan dengan cara dan bahan yang betul sekurang-kurangnya murid-murid akan menggambarkan bagaimana sesuatu proses pelaksanaan hasil kerja tangan yang berlaku di Malaysia. Cuma murid-murid boleh adaptasikan sesuatu hasil kerja tangan dengan bahan yang berlainan"...*

In.3/TB2/030319/(SK2.1)/906-909:915-919...*"Saya akan nyatakan apa tugas yang perlu murid-murid lakukan di dalam sehelai kertas. Kertas tersebut akan saya masukkan di dalam satu sampul surat dan akan di serahkan kepada ketua kumpulan. Murid-murid dibekalkan alat dan bahan untuk menghasilkan karya. Mereka di beri masa dan akan diberi markah individu dan setiap kumpulan. Mereka juga akan saya berikan ganjaran. Saya nak mereka seronok dalam masa PSV tetapi dalam masa yang sama faham objektif pembelajaran pada hari tu"...*

In.1/TB1/111018/(SK1.1)/537-540...*"Saya akan aplikasikan penggunaan Traffic Light di dalam kelas. Di mana murid-murid boleh menggunakannya sekiranya menjawab pertanyaan guru atau tidak memahami apa yang di ajar oleh guru"...*

In.5/TB1/221118/(SK5)/647-657...*"PdPC saya suka kaitkan dengan pembelajaran di luar negara. Bila dah habis sesuatu topik saya akan kaitkan dengan aktiviti lain seperti Art Attack ke, 5minut Do iT ke.. ikut kesesuaian aktiviti lah. Saya juga kadang-kadang kaitkan dengan pembelajaran peta i-Think. Supaya mereka lebih berfikir"...*

In.4/TB1/170319/(SK2.2)/329-332...*"Saya suka murid-murid saya belajar dari proses peniruan. Di mana saya akan tayangkan contoh-contoh hasil karya yang telah saya siapkan atau saya print di dalam internet. Saya akan lekat di atas white board dan murid-murid bebas membuat peniruan daripada hasil karya tersebut. Dan akhir sekali mereka akan cantumkan karya masing-masing dalam satu kertas yang besar"...*

In.6/TB3/150119/(SK) /41-47...*"Mengajar darjah satu ni banyak kena sabar.. cikgu kena kreatif untuk menarik minat murid-murid.. saya banyak memberi contoh hasil karya dan menggunakan You Tube semasa PdPC. Murid tahun satu ni kena ajar betul-betul. Kena buka minda dan fikiran mereka. Mereka banyak imaginasi yang tinggi semasa menghasilkan karya. Sebagai contohnya aktiviti mewarnai. Mereka akan warna semua warna yang sama. Malas nak fikir. Wahal benda objek yang selalu mereka lihat"...*

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru mempunyai pemahaman yang baik terhadap aktiviti pembelajaran koperatif. Kebanyakan guru memahami konsep pembelajaran koperatif secara asasnya untuk membantu murid-murid meningkatkan interaksi sosial dan membina kemahiran komunikasi yang boleh dijadikan model tingkah laku yang sesuai dalam kepimpinan dan keyakinan di dalam diri murid-murid. Pembelajaran koperatif juga memberi sokongan dari pelbagai sumber sehingga menjadikan pembelajaran lebih berkesan.

Merujuk kepada pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif dan kepentingan aktiviti pembelajaran koperatif pula, guru-guru dapat menerima dengan membuat pemilihan yang baik berdasarkan kesesuaian tahap pemikiran murid-murid, alat dan bahan untuk menghasilkan karya dan persekitaran tempat untuk belajar. Walaupun pada permulaannya banyak tanggapan negatif, namun usaha secara konsisten untuk memahami aktiviti koperatif dapat diterima dan menjadi kebiasaan kepada guru-guru. Walaupun banyak tanggapan yang di lontarkan, pokok pangkalnya jika guru yang kreatif dan berinovatif, dapat mempelbagaikan kaedah strategi dan teknik semasa PdPC supaya lebih berkesan dan melahirkan murid yang serba boleh. Di samping itu, dengan mengaplikasikan pembelajaran koperatif ini dapat membantu murid-murid dari segi interpersonal dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan lebih baik. Murid-murid juga lebih berkeyakinan dan membantu murid membina pemikiran kritis. Ini dapat menggalakkan murid menjelaskan pelbagai perspektif dan kefahaman yang tinggi akan di perolehi. Murid-murid juga lebih bertanggungjawab dan menghormati pendapat setiap ahli kumpulan semasa proses pencetusan idea di jalankan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelbagai kaedah telah dilaksanakan oleh guru-guru untuk mengaplikasikan pembelajaran koperatif. Guru berpendapat kaedah yang digunakan perlu memudahkan untuk penyampaian kepada murid agar mereka memahami sebelum melaksanakan aktiviti PdPC terutamanya melibatkan proses penghasilan karya seni dari segi penggunaan alat dan bahan. Kebanyakan guru menerapkan kaedah, strategi dan teknik yang sama kerana PdPC mereka tertumpu kepada para pelajar kelas berpotensi bagi mata pelajaran PSV. Guru-guru lebih ketara mengaplikasikan pendekatan peniruan, penerangan, demonstrasi, perbincangan dan penyelesaian masalah, didik hibur, penggunaan peta i-Think, penggunaan You Tube semasa PdPC dan memberi ganjaran kepada mereka. Ini adalah strategi untuk menarik minat dalam menginovasikan pengajaran dan pembelajaran bagi mengoptimumkan pembelajaran dan kemenjadian murid-murid.



Rajah 1: PdPC guru-guru PSV di dalam kelas



Rajah 2: Aktiviti Koperatif Murid-Murid

## KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian yang di jalankan terhadap guru-guru PSV sekolah rintis Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) di daerah Johor Baharu. Kajian dijalankan untuk melihat kefahaman dan kemahiran guru dalam mengaplikasikan pembelajaran koperatif semasa PdPC dilaksanakan. Guru perlu bijak memilih kaedah, strategi, teknik dan pendekatan yang sesuai untuk di terapkan di dalam pedagogi setiap mata pelajaran khususnya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Pembelajaran Koperatif menggunakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kefahaman murid dengan menggunakan pendekatan berstruktur. Pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran dapat memberi peluang kepada murid untuk mempraktikkan kemahiran yang berteraskan lima elemen Standard Asas Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) iaitu Komunikasi, Kolaborasi, Kemahiran Kritis, Kreativiti serta Nilai Murni dan Etika (4K1N).

## RUJUKAN

Baharuddin Ahmad, Hassan Noor (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan, Teori dan Konsep Asas*. SAM Synergy Media.

Balakrishnan Vishalache (ed). (2014). *Transformasi dalam subjek sains sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Bates, J. K.(2000). *Becoming An Art Teacher*. USA: Wadsworth.

Bogdan, R.c. & Biklen, S.K.. (1998). *Qualitative Research for Education: An Introduction Theory and Methods*. Edisi Ketiga. Boston: Allyn & Bacon.

- Cik Yang Roziah Mohamed (2017). *Idea Pembelajaran Abad 21*. PPD Daerah Kerian.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Creswell, J.W. (2009). *Third Edition Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- David Silverman (2011). *Interpreting Qualitative Data 4th Edition*. SAGE Publication
- Esah Sulaiman (2003) *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Penerbitan UTM.
- Ghazali Darusalam, Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Universiti Malaya.
- Iberahim Hassan (2000). *Matlamat Dan Objektif Pendidikan Seni(Visual) Untuk Sekolah Menengah:Perlu Kajian Semula*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual, Balai Seni Lukis Negara,KualaLumpur.
- Ishak Abdulhak Dani. (2016). *Teknologi Pendidikan Bermula Era Revolusi Digital Dalam Dunia Persekolahan Di Malaysia*. Parmawan SAM Synergy Media.
- Ismail Said (2010). *Kaedah Pembelajaran Koperatif Sekolah Rendah*. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Jaafar Muhamad (2013). *Kelakuan Organisasi Edisi Kelapan*. Leeds Publications.
- Maizatul Hayati Mohamad Yatim, Ummu Husna Azizan (2017). *Pembelajaran Teradun, Trend, Isu dan Amalan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Md Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003). *Pendidikan Seni Untuk Maktab & Universiti*, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Md. Nasir Ibrahim (2003). *Teori-teori Pendidikan Seni*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim
- Merriam, S.B & Tisdell, E.J.( 2016). *Qualitative Research A guide to design and implementation 4<sup>th</sup> ed*. San Fransisco, CA: Jossey-Bass A Wiley Brand.
- Mohamed Amin Embi.(2016).
- Mohd Johari Ab. Hamid (2004). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Johari Ab. Hamid (2006). *Metodologi Pendidikan Seni Visual*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mittler, Gene A. (2006). *Art in Focus*. Woodland Hills CA: Glencoe/McGraw-Hill.

- Nurulhuda Abd Rahman dan Md Nasir Ibrahim.(ed).(2013). *Pemikiran Kritis dan Kreatif. Konsep, Pendekatan dan Aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Noor Aini Ahmad (2016). *Senario Menjalankan Kajian Inkuari Naratif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Norhailmi Abdul Mutalib (2017). *Pembelajaran Abad Ke 21 Bukan Sekadar Susun Kerusi dan Meja*. Percetakan Perlis Sdn. Bhd.
- Othman Lebar (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.) Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Rohizan Ya, Khairul Najah Abdul Karim, Rajmi Yahaya & Fuad Ismail. (2014). Penilaian amalan kualiti, etika dan professional Guru Pendidikan Islam dalam memartabatkan kecemerlangan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, BPPDP, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid ke-15, 2014.206-215*.
- Rosmiza Musa, Abd.Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh.(2014). Bahan Bantu Mengajar Subjek Sejarah.dalam Balakrishnan, Vishalache.(ed).(2014). *Transformasi dalam subjek sains sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Saemah Rahman, Zamri Mahamod (2017). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Mengoptimumkan Pembelajaran Pelajar*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sharulnizam Ramli, Syed Alwi Syed Abu Bakar dan Sabzali Musa Khan.(2015). Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan kemunculan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26, 2015*.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi (2017). *Kajian Kuantitatif dan Analisis Temubual*. Aras Publisher
- Tan Wee Hoe (2015). *Gamifikasi Dalam Pendidikan Pembelajaran Berasaskan Permainan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Yahya Don, Azizah Sarkowi, Yaakub Daud (2014). *Pembentukan dan Peningkatan Kualiti Guru di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Zaharah Hussin, Ahamd Arifin Sapar, Saedah Siraj dan Nurul Hasna Hasan.(2014). Transformasi Buku Teks Pendidikan Islam.dalam Balakrishnan, Vishalache.(2014).(ed).
- Zamri Mahamod (2014). *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti

Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

\_\_\_\_\_ (2009). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

\_\_\_\_\_ (2017). *Buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke 21*. Pasukan Pemiir Pendidikan Abad Ke 21. Institut Aminudin Baki.

\_\_\_\_\_ (2017) *Buku Panduan IMPak21, Modul Latihan Pembelajaran Abad Ke 21*. Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Menteri Besar Johor.

\_\_\_\_\_ (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran KSSR, Pendidikan Seni Visual Tahun Empat*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_ (2017) *Ucuptama Konvensyen Pembelajaran Abad Ke 21*. Jabatan Pendidikan Negeri Johor Bahru.

\_\_\_\_\_ (2017) *Buku standard Prestasi Pembelajaran Abad Ke 21 Sekolah-sekolah Negeri Johor*. Jabatan Pendidikan Negeri Johor Baharu

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM. ISSN 2180-4842/Vol 7 Bil 1 (2017) 11-23

Jurnal Seni dan Pendidikan Seni. ISSN 2289-4646/Vol.3 (2015) 8-18

Jurnal Pendidikan Akuntansi Indonesia. VolX, No 1 (2012) 114-134

<https://www.moe.gov.my/index.php/menumedia/media-cetak/penerbitan/jurnal/1326-jurnal-penyelidikan-pendidikan-2017-jilid-18/file>

<https://www.teachersrock.net/koperatif.htm>

[http://smart2.ums.edu.my/pluginfile.php/14120/mod\\_resource/content/1/Kaedah%20Pembelajaran%20Koperatif.pdf](http://smart2.ums.edu.my/pluginfile.php/14120/mod_resource/content/1/Kaedah%20Pembelajaran%20Koperatif.pdf)

[http://eprints.utm.my/id/eprint/10378/1/28.9\\_PEMBELAJARAN\\_KOPERATIF.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10378/1/28.9_PEMBELAJARAN_KOPERATIF.pdf)

[http://eprints.uthm.edu.my/4164/1/NOR\\_HASLIZA\\_BINTI\\_MOHAMED.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/4164/1/NOR_HASLIZA_BINTI_MOHAMED.pdf)

Berita Harian Online. 28 April 2017. Kemenjadian Murid Fokus TN50 Dalam Aspek Pendidikan <https://www.bharian.com.my/node/276702>

Berita Harian Online. 12 Ogos 2015. Guru Berperanan Lahir Pelajar Capai Standard Global <https://www.bharian.com.my/node/74472>

Utusan Online. 22 Mei 2017. Guru Disaran Beri Maklum Balas Modul 10 Minit. <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sekolah/guru-disaran-beri-maklum-balas-modul-10-minit-1.484368>